

06 JUL 2000

Senjata-Abdullah

KERAJAAN BERSYUKUR PERISTIWA SAUK SELESAI TANPA PERTEMPURAN: PAK LAH

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan bersyukur episod di Sauk berakhir tanpa pertempuran dan pertumpahan darah berikutan penyerahan diri 27 anggota perompak senjata berkenaan.

Katanya beliau gembira matlamat kerajaan mahu mengelakkan pertempuran dan pertumpahan darah bagi menyelesaikan masalah itu berjaya dicapai.

"Ini dapat dicapai hasil kerjasama yang baik dan koordinasi yang lancar antara polis, Angkatan Tentera Malaysia dan agensi-agensi lain," katanya pada sidang media di Kementerian Dalam Negeri di sini, hari ini.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata beliau menerima panggilan mengenai penyerahan diri anggota perompak itu pada pukul 4.44 petang daripada Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai yang berada di sana.

Katanya kejayaan itu telah dimaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengucapkan tahniah kepada pasukan keselamatan dan semua pihak yang terlibat dalam kejayaan itu.

Abdullah berkata ketua kumpulan itu dikenal pasti sebagai Amin Razali, yang merupakan bekas anggota tentera, manakala di kalangan anggotanya ada yang mempunyai kelayakan tinggi. Ini dipercayai termasuk akauntan, auditor dan jurutera multimedia.

Katanya, kerajaan tidak membuat sebarang tawaran atau rundingan dengan perompak-perompak itu, sebaliknya, menggunakan strategi berbincang iaitu meminta mereka menyerah diri.

"Strategi yang digunakan dari awal hinggalah akhir ini telah dipersetujui semua pihak sehingga kepada perdana menteri. Kita seru mereka serah diri bagi elak pertempuran. Anggota keluarga mereka juga minta mereka serah diri... ini cara baik dan tegas," katanya.

Abdullah berkata beliau menerima panggilan telefon tiga kali hari ini tentang perompak-perompak itu yang mula menyerah diri pada awal pagi tadi.

"Mula-mula empat orang, kemudian 10, lepas itu 16 dan akhirnya semua keluar, termasuk ketuanya... semuanya 27 orang," kata beliau.

Mengenai tiga tebusan yang ditahan kumpulan itu, Abdullah berkata seorang anggota polis dan seorang anggota tentera dibunuh.

"Kita akan gali semula kubur mereka. Mereka ini menjalankan tugas untuk negara, malangnya mereka dibunuh," katanya.

Abdullah mengucapkan takziah kepada keluarga anggota-anggota keselamatan itu, dan menyatakan sebarang bantuan kepada mereka akan diputuskan kemudian.

Ditanya mengenai identiti anggota-anggota kumpulan itu, Abdullah berkata beliau ada menerima laporan awal mengenai mereka tetapi tidak dapat diumumkan sekarang kerana polis perlu mengesahkannya.

Ditanya kemungkinan ada di antara anggota kumpulan itu yang mungkin berjaya melarikan diri selepas merompak dua kem tentera itu, Abdullah berkata polis akan mendapatkan maklumat daripada anggota yang menyerah diri hari ini.

Beliau berkata tindakan ke atas kesemua 27 orang itu akan dibuat mengikut proses undang-undang kerana ia satu kesalahan jenayah manakala pengikut kumpulan itu di tempat lain telah ditahan polis untuk siasatan.

Ketika ditanya mengenai motif kumpulan itu dan sama ada ia mempunyai hubungan dengan kumpulan luar negeri, Abdullah berkata ia hanya akan diketahui selepas polis menjalankan siasatan ke atas mereka yang menyerah diri.

"Kita mahu tahu dari mulut mereka sendiri, jangan buat spekulasi," katanya.

Menjawab soalan sama ada terdapat di antara anggota kumpulan itu yang merupakan ahli PAS, Abdullah berkata beliau tidak mempunyai sebarang maklumat mengenainya.

Kepada pertanyaan seorang wartawan agensi berita asing mengenai kemungkinan kumpulan Al-Ma'unah, yang ditubuhkan pada September 1998, ada kaitan dengan pemecatan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Abdullah berkata beliau tidak tahu mengenainya.

"Saya tahu adanya pertubuhan seperti itu dan ia didaftarkan. Daripada segi aktiviti mereka, kita anggap ini satu kumpulan silat tetapi nyata sekali ada unsur-unsur yang berkaitan dengan penyebaran ajaran sesat, ini yang tak betul, langgar akidah," katanya.

Ditanya kemungkinan kerajaan mengambil tindakan mengharamkan kumpulan itu, Abdullah berkata; "Saya tidak mahu menyatakan apa-apa pada masa ini kerana kita kena memastikan bahawa pertubuhan itu terbabit dan mereka yang terlibat adalah anggota mereka... itu penting."

"Ini kes yang tersendiri. Kalau tahu awal, kita sudah ambil tindakan awal," katanya ketika ditanya sama ada kerajaan akan mengawasi kumpulan lain yang menjalankan aktiviti seumpamanya (silat/ilmu batin).

Abdullah berkata episod itu merupakan satu pengajaran kepada semua pihak agar semua tempat keselamatan dikawal rapi dan tidak "ambil mudah" keamanan berpanjangan yang dinikmati negara ini.

Mengenai penggunaan senjata pihak keselamatan dalam kejadian jenayah, Abdullah berkata tiap-tiap jenis senjata yang ada dalam simpanan ada inventornya dan dijaga dengan baik oleh polis dan tentera.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada penduduk kampung yang terlibat yang memahami tindakan yang diambil kerajaan dalam menyelesaikan masalah itu.

"Saya tidak menerima sebarang laporan mengatakan masalah atau reaksi negatif penduduk kawasan itu. Mereka mahu ia diselesaikan dengan baik, mereka mengutamakan keselamatan dan keamanan," katanya.

-- BERNAMA
AR AHH NMO